



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (DVS)

PELAWAAN MEMBERI CADANGAN *REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)*

PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN / REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI TAMAN KEKAL PENGELUARAN RUMINAN (TKPR) PROJEK PERTANIAN MODEN, KLUANG JOHOR UNTUK PENTERNAK RUMINAN

NO RUJUKAN: JPV/PIT/600-20/4/1(7)

DVS berhasrat untuk memastikan pengoperasian dan pengeluaran optimum daripada Infrastruktur di Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) di Projek Pertanian Moden bagi projek penternakan ruminan melalui kaedah sewaan ladang kepada pengusaha yang berminat.

Sukacita adalah dipelawa, syarikat atau individu yang mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan bagi melaksanakan projek dalam bidang ini untuk mengemukakan Kertas Cadangan Projek (RFP) bagi mengisi kekosongan 2 unit Kandang Lembu Tenusu di TKPR PPM Kluang.

Kertas Cadangan Projek (RFP) perlu disediakan mengikut format yang boleh diperolehi di kaunter Seksyen Pentadbiran, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Wisma Tani, Presint 4, Wilayah Persekutuan, Putrajaya.

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada alamat berikut secara pos atau serahan tangan kepada Urusetia Unit Projek Berimpak Tinggi (HIP) atau melalui Pengarah DVS Negeri **selewat-lewatnya pada 31 November 2021.**

**Unit Projek HIP
Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Aras 1, Blok Podium 1, Lot 4G2, Wisma Tani, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630, Putrajaya**

DVS tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen yang dipos dan tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan yang dikemukakan.

Sebarang penjelasan lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi pegawai berikut:

Dr. Hj. Ahmad Nazri B. Abdul Rahman	03-88702408	ahmadnazri@dvs.gov.my
Dr. Norul Hayati binti Saad	03-88702474	n.hayati@dvs.gov.my
En. Mohd. Zaharim B. Awang	03-88702434	mir@dvs.gov.my

*makluman ini juga boleh didapati melalui **Laman Web DVS** <http://www.dvs.gov.m>